

Artikel: DR HARRY CHONG LYE HIN

Seni foto: CHAN HAW FENG

# Lawatan ke Kilang Minyak Kelapa Sawit



Pada 18 Disember 2014, 64 orang pelajar Program Sains Sekitaran yang sedang mengikuti kursus Sumber-sumber Tenaga telah melawat Pitas Palm Oil Mill Sdn. Bhd.. Rombongan pelajar ini diiringi oleh Dr Harry Chong selaku pensyarah kursus. Rombongan ini disambut baik oleh pihak pengurusan kilang yang diketuai oleh Encik Asri. Lawatan ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan penjaanaan kuasa berasas sumber biomassa sisa pepejal kelapa sawit. Pihak kilang dengan penuh komitmen telah membawa rombongan pelajar untuk melihat keseluruhan proses pemprosesan kelapa sawit supaya pelajar faham asal usul sumber biomassa yang digunakan.